

'Kudrat tak kuat nak selamatkan anak'

» *Bapa sedih gagal keluarkan anak bongsu jatuh longkang*

Oleh Syazwan Msar
bhnews@bh.com.my

► Pekan

“**S**aya cuba selamatkan Fadzil tetapi kudrat tidak kuat menyebabkan saya tidak mampu mengangkutnya,” luah seorang bapa, Johar Sulaiman, 60, yang tidak dapat menahan kesedihan selepas gagal menyelamatkan anaknya yang terjatuh dalam longkang, petang kelmarin.

Fadzil Noor Johar, 24, ditemui lemas kira-kira jam 6 petang kelmarin selepas terjatuh dalam longkang ketika menaiki bot bersama Johar dan ibunya, Rozilah Mohd Razali, 58, untuk meninjau keadaan rumah mereka yang ditenggelami air sejak seminggu lalu.

Menceritakan semula detik cemas itu, Johar yang juga Ketua Kampung Temai Hilir berkata,

“**S**aya terus terjun ke sungai untuk menyelamatkannya yang tidak tahu berenang, tetapi gagal kerana kudrat saya tidak begitu kuat”

Johar Sulaiman,
Bapa

anak bongsunya yang duduk di bahagian depan bot itu tiba-tiba tergelincir dan terjatuh ke longkang besar sedalam kira-kira tiga meter.

“Saya terus terjun ke sungai untuk menyelamatkannya yang tidak tahu berenang, tetapi gagal kerana kudrat saya tidak begitu kuat.

Beri bantuan pernafasan

“Isteri saya pula menjerit meminta pertolongan penduduk kampung berhampiran yang mengeluarkan Fadzil daripada longkang dan memberikan bantuan pernafasan sebelum dia dibawa ke Hospital Pekan menggunakan ambulans.



Jenazah Fadzil Noor (gambar kecil) **disembahyangkan di pekarangan Unit Forensik, Hospital Pekan.**

“Namun, Fadzil disahkan meninggal dunia setengah jam kemudian,” katanya ketika ditemui di pekarangan bilik mayat Hospital Pekan, di sini, kelmarin.

Johar berkata, anaknya adalah pelajar tahun akhir Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malay-

sia (UPM) di Serdang, Selangor dan pulang ke kampung untuk membantu keluarga berpindah ke kawasan selamat selepas menduduki peperiksaan.

“Fadzil sepatutnya menamatkan pengajiannya Jun depan depan, namun dia ‘pergi’ lebih

awal,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Pekan, Superintendan Yahaya Othman, berkata kejadian itu adalah kes lemas pertama yang meragut nyawa akibat banjir sejak daerah itu dinaiki air dua minggu lalu.